

Dr. Mahathir perlu guna saluran wajar

UM-28/6/2006

PORT DICKSON 27 Jun – Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin merayu kepada bekas Presiden UMNO dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya menggunakan saluran yang sepatutnya bagi menyuarakan sebarang kritikan terhadap kepimpinan negara.

Menurut beliau, semasa Dr. Mahathir memegang jawatan bekas Perdana Menteri itu selalu berpesan dan menasihatkan ahli UMNO termasuk barisan kepimpinan mengelak daripada membuat kritikan dan kenyataan secara terbuka tetapi sebaliknya menggunakan saluran yang betul seperti mesyuarat Majlis Tertinggi.

Tegas beliau, Dr. Mahathir juga telah mengajar ahli UMNO supaya berpegang kepada prinsip menghormati pemimpin, parti dan perjuangan demi kestabilan politik dan negara walaupun terdapat perselisihan pendapat.

“Ini kerana jika kritikan terhadap parti dan kepimpinan negara dibuat secara terbuka yang ditumpang semangkuk oleh parti pembangkang dan bekas ahli-ahli UMNO yang dipecat, di atas pentas yang sama, saya berpendapat perkara ini tidak wajar berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas

merasmikan Seminar Pembentukan Jati Diri dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 Jabatan Perkhidmatan Haiwan, di sini hari ini.

Muhyiddin berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz semalam yang kesal dengan tindakan Dr. Mahathir kerana berterusan mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu di **MELAKA**, seorang lagi Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yakin ada dalang yang cuba mengapi-apikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk terus mengkritik kerajaan.

Menurutnya, golongan tersebut dipercayai tidak berpuas hati dengan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menggunakan Dr. Mahathir untuk menyuarakan bantahan mereka.

“Saya percaya mereka cuba menanggung di air keruh dan berpendapat suara mereka akan lebih lantang jika disuarakan melalui Tun,” kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Mohd. Ali, bagaimanapun tidak mahu menyebut siapakah golongan yang dimaksudkannya itu, namun menjelaskan, golongan tersebut tidak sepatutnya menggunakan Dr. Mahathir untuk berbuat demikian.

Kecewa

Pada masa yang sama, beliau turut kecewa kerana Dr. Mahathir melibatkan dirinya dengan pembangkang bagi menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap kerajaan.

“Itu tidak seharusnya berlaku kerana ia akan menimbulkan suasana yang tidak elok dalam UMNO dan kerajaan sekarang.

“Kita semua menghormati beliau atas jasa-jasanya kepada negara, justeru saya harap Tun akan mengelakkan diri daripada terus terlibat dengan pihak pembangkang,” jelasnya.

Tambah Mohd. Ali, bekas Perdana Menteri itu sepatutnya memberikan peluang kepada Abdullah untuk mentadbir kerajaan mengikut acuannya sendiri.

Sejak menjadi Perdana Menteri, katanya, Abdullah berjaya menguruskan kerajaan dengan cemerlang termasuk menang besar dalam dalam pilihan raya umum yang lepas.